



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


RETORIK DALAM CERAMAH AGAMA KAZIM ELIAS

HUSNA HIDAYAH BINTI MANSOR

FBMK 2018 27



RETORIK DALAM CERAMAH AGAMA KAZIM ELIAS



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Mac 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

RETORIK DALAM CERAMAH AGAMA KAZIM ELIAS

Oleh

HUSNA HIDAYAH BINTI MANSOR

Mac 2018

Pengerusi : Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Retorik merupakan seni atau kepandaian berkomunikasi yang berkesan dari aspek pemikiran dan wacana kerana retorik berfungsi sebagai salah satu bentuk komunikasi berbahasa. Seorang penceramah dianggap mahir apabila mempunyai keterampilan berbahasa, iaitu mampu menggunakan bahasa secara berkesan sama ada dalam pengucapan maupun penulisan. Penggunaan retorik yang berkesan mampu untuk mengubah pendirian seseorang dan membuka hati serta minda seseorang untuk menerima apa yang disampaikan. Kajian ini merupakan penelitian secara tekstual terhadap ceramah agama Ustaz Kazim Elias dalam rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 yang disiarkan di Astro Aosis. Rancangan ini mempunyai 13 tajuk, namun begitu dalam kajian ini pengkaji hanya memilih tujuh buah tajuk sahaja sebagai bahan kajian. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis retorik, gaya retorik dan struktur retorik yang terdapat dalam ceramah agama Ustaz Kazim Elias. Kajian ini menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) sebagai asas kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis kandungan ceramah agama tersebut. Kajian mendapati ceramah agama Ustaz Kazim Elias berkesan dan berjaya mendapat tarikan khalayak kerana terdapat penggunaan unsur retorik dalam penyampaiannya. Ini membuktikan bahawa setiap penceramah perlu memasukkan unsur retorik dalam ceramah bagi menjelaskan lagi mesej ceramah yang ingin disampaikan.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Master of Arts

RHETORIC IN RELIGIOUS TALK BY KAZIM ELIAS

By

HUSNA HIDAYAH BINTI MANSOR

March 2018

Chairman : Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Rhetoric is an art or communication skill that is effective from the aspect of thought and discourse because rhetorical serves as one of the forms of language communication. One speaker considered proficient when have the language skills, the ability to use language effectively whether in speaking or writing. Effective use of rhetorical able to change a person's stance and open the heart and mind of a person to accept what is presented. This study is a textual study of religious talks by Ustaz Kazim Elias in the programs broadcast on Astro Aosis which is Kalau Dah Jodoh Siri 1. The show has 13 titles, but in this study researchers only select seven titles as the study material. The main focus of this study is to identify rhetoric, rhetorical style and rhetorical structures found in religious talks by Ustaz Kazim Elias. This study was performed using the New Rhetoric Theory by Enos and Brown (1993) and analytical methods used to analyze the content of this writing. The study found that religious talks by Ustaz Kazim Elias was effective and successfully attracted audiences because there was a rhetoric in his presentation. This proves that each speaker needs to include rhetorical elements in the talks to further elaborate the message he wants to convey.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah Master Sastera (Bahasa Melayu).

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob (Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah (Ahli Jawatankuasa Penyeliaan) yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam membantu saya menyiapkan kertas penyelidikan ilmiah ini sehingga lengkap. Kerjasama yang diberikan oleh mereka amat saya hargai dan hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya.

Kepada keluarga yang disayangi mak, ayah, kakak, abang dan adik yang sentiasa ada di saat jatuh dan bangun saya dalam menyiapkan tesis ini, jutaan terima kasih saya ucapkan atas iringin doa, nasihat, pengorbanan dan dorongan kalian yang tidak terhingga buat saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah dan rakan seperjuangan yang banyak membantu dan semua yang sentiasa bersama ketika susah dan senang, suka dan duka, sentiasa memberi kata semangat dan memberi bantuan dan pandangan sepanjang saya menjayakan penyelidikan ini. Sokongan anda telah membawa kepada penghasilan tesis ini. Akhir sekali, saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak Astro Aosis yang memberi kerjasama dan meluangkan masa kepada saya bagi mendapatkan waktu siaran ulangan rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1. Moga-moga jasa kalian menjadi salah satu penyumbang untuk kita semua berada di taman syurga-Nya.

BERILMU BERBAKTI

Husna Hidayah Binti Mansor
GS39398

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Mac 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Husna Hidayah binti Mansor bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Retorik dalam Ceramah Agama Kazim Elias" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Saleeh bin Rahamad, PhD

Pensyarah Kanan

Universiti Malaya

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 24 Mei 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Professor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Husna Hidayah Binti Mansor (GS39398)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI KANDUNGAN	viii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.2.1 Seni Retorik	4
1.2.1.1 Sejarah Perkembangan Retorik	5
1.2.1.2 Jenis Retorik	8
1.2.1.3 Struktur Retorik	12
1.2.1.4 Gaya Retorik	14
1.2.2 Ceramah Agama	18
1.2.2.1 Hukum Dakwah	20
1.2.2.2 Matlamat Dakwah	21
1.3 Pernyataan Masalah	23
1.4 Soalan Kajian	26
1.5 Objektif Kajian	26
1.6 Kepentingan Kajian	26
1.7 Skop Kajian	27
1.8 Definisi Operasional	30
1.8.1 Retorik	30
1.8.2 Ceramah	31
2 SOROTAN KAJIAN	32
2.1 Pengenalan	32
2.2 Kajian Retorik	32
2.3 Kajian Ceramah	38
2.4 Kajian Teori Retorik Moden	41
2.5 Kesimpulan	43
3 METODOLOGI	44
3.1 Pengenalan	44
3.2 Reka Bentuk Kajian	44
3.2.1 Konsep dan Kerangka Teori	45
a.Teorи Retorik Moden Enos dan Brown (1993)	45

	b. Model Jenis Retorik Raminah Sabran (2002)	48
	c. Model Gaya Retorik Henry Guntur Tarigan (1985)	50
	d. Model Tatabahasa Dewan Nik Safiah Karim & et al., (2014)	50
3.3	Kaedah Kajian	51
3.4	Instrumen Kajian	51
3.5	Rasional Pemilihan Instrumen Kajian	52
3.6	Prosedur Kajian	53
3.7	Penganalisaan Data	53
3.8	Kerangka Konsepsi	55
3.9	Kesimpulan	56
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	57
4.1	Pengenalan	57
4.2	Pengenalpastian Jenis Retorik dalam Ceramah Agama UKE	57
	4.2.1 Retorik Penceritaan	58
	4.2.2 Retorik Pemerian	62
	4.2.3 Retorik Pendedahan	66
	4.2.4 Retorik Pemujuhan	69
	4.2.5 Retorik Penghujahan	72
4.3	Gaya Retorik dalam Ceramah Agama UKE	75
	4.3.1 Gaya Retorik Perbandingan	76
	a. Metafora	77
	b. Personifikasi	79
	c. Perumpamaan	81
	4.3.2 Gaya Retorik Pertentangan	83
	a. Hiperbola	84
	b. Ironi	85
	4.3.3 Gaya Retorik Pertautan	86
	a. Paralelisme	88
	b. Eufemisme	89
	c. Metonimia	91
	d. Sinekdoke	93
	4.3.4 Gaya Retorik Perulangan	94
	a. Anafora	96
	b. Epistrofa	97
	c. Kiasmus	98
	d. Epizeukis	99
	e. Anadiplosis	101
4.4	Struktur Retorik dalam Ceramah Agama UKE	102
	4.4.1 Ayat Penyata	103
	4.4.2 Ayat Perintah	105
	4.4.3 Ayat Tanya	110
4.5	Implikasi Dapatkan Kajian	111
4.6	Kesimpulan	112

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	113
5.1	Pengenalan	113
5.2	Rumusan	113
5.3	Cadangan	115
5.4	Penutup	116
BIBLIOGRAFI		118
LAMPIRAN		125
BIODATA PELAJAR		126

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Kalau Dah Jodoh Siri 1	29
3.1 Rangka Pemilihan Sampel	54
4.1 Taburan Jenis Retorik dalam Ceramah Agama UKE	58
4.2 Taburan Gaya Retorik Perbandingan dalam Ceramah Agama UKE	76
4.3 Taburan Gaya Retorik Pertentangan dalam Ceramah Agama UKE	83
4.4 Taburan Gaya Retorik Pertautan dalam Ceramah Agama UKE	87
4.5 Taburan Gaya Retorik Perulangan dalam Ceramah Agama UKE	95
4.6 Taburan Jenis Ayat Retorik dalam Ceramah Agama UKE	102

SENARAI CARTA

Carta		Halaman
4.1	Taburan Jenis Retorik dalam Ceramah Agama UKE	58
4.2	Taburan Gaya Retorik Perbandingan dalam Ceramah Agama UKE	77
4.3	Taburan Gaya Retorik Pertentangan dalam Ceramah Agama UKE	83
4.4	Taburan Gaya Retorik Pertautan dalam Ceramah Agama UKE	87
4.5	Taburan Gaya Retorik Perulangan dalam Ceramah Agama UKE	95
4.6	Taburan Jenis Ayat Retorik dalam Ceramah Agama UKE	103

SENARAI SINGKATAN

UKE	Ustaz Kazim Elias
RA	Radiallahuanhu
SWT	Subhanahuwataala
SAW	Sallallahualaihiwasallam

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab 1 ini, pengkaji akan meneliti mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian. Manakala, dalam bahagian definisi operasional pengkaji akan menjelaskan maksud retorik dan ceramah bagi mendapatkan kefahaman yang jelas tentang kajian ini.

1.2 Latar belakang Kajian

Retorik merupakan struktur bahasa yang berwarna-warni dan berbunga-bunga. Ia juga bukan lagi berbentuk bahasa biasa kerana maknanya tidak lurus atau dalam erti kata lain tidak secara langsung maksudnya. Kelainan yang cuba diketengahkan oleh penutur atau penulis adalah bagi menimbulkan kesan yang meresap ke jiwa khalayak atau pembaca. Kesan yang dimaksudkan ialah keindahan dari segi bentuk penyampaian dan juga kehalusan makna (Awang Sariyan, 2007).

Menurut Asmah Haji Omar (2014), istilah retorik dan amalan mengenai retorik sudah ada sejak zaman Yunani Kuno lagi. Ketika berlakunya *Socratic Dialogues*, Socrates ingin mengetahui makna tersirat yang dikatakan oleh Gorgias sebagai “*the art of speech or discourse*.” Maka Gorgias menjawab retorik ialah seni kerana ia merupakan prinsip-prinsip yang mudah untuk difahami dan tujuan penggunaannya adalah untuk memujuk orang supaya menerima pandangan penyampai wacana yang beretorika itu. Gorgias menjelaskan lagi bentuk pujuhan itu merupakan suatu hal yang betul dan juga salah serta baik dan buruk. Pujuhan juga boleh dilakukan dengan tujuan untuk mengajar ataupun tidak. Jika retorik diungkapkan dengan tujuan untuk mengajar, maka golongan sasaran bukan sahaja dapat dipujuk untuk menerima sesuatu pandangan, malah mereka juga dapat menambah ilmu pengetahuannya. Namun begitu, menurut Gorgias lagi jika retorik tidak disertai dengan nilai pengajaran, golongan sasaran mungkin menerima apa yang ingin disampaikan oleh penutur mahupun penulis, tetapi belum tentu mereka yakin dengan pendirian pengucap atau penulis berkenaan.

Berdasarkan jawapan Gorgias itu, Asmah Haji Omar (2014) menyimpulkan bahawa retorik membawa unsur pengertian yang baik kerana ia menyampaikan ilmu pengetahuan melalui bahasa dan selok belok penggunaan bahasa. Ini bermakna sesiapa yang menggunakan retorik dalam ucapan atau penulisannya merupakan individu yang memiliki ilmu pengetahuan yang hendak dikhaskan kepada orang ramai dengan tujuan murni atau *altruistic*, iaitu bermotifkan kebaikan kepada golongan sasaran semata-mata. Golongan pengucap atau penulis yang mementingkan penyampaian mereka berkesan akan menggunakan retorik yang bukan sahaja pelbagai sifatnya tetapi juga memiliki nilai kehalusannya.

Corbett & Connors (1991) berpendapat retorik sebagai:

"Rhetoric is the art or the discipline that deals with the use of discourse, either spoken or written, to inform or persuade or motivate an audience, whether that audience is made up of one person or a group of persons."

Ini bermakna retorik merupakan satu disiplin yang melibatkan penggunaan wacana sama ada secara lisan atau tulisan yang bertujuan untuk memujuk serta memotivasi para pendengar mahupun pembaca. Pendapat ini disokong oleh Noor Husna Abd Razak (2011) yang menyatakan retorik merupakan pengetahuan mengenai bahasa dan penggunaan bahasa yang baik dalam sebuah pertuturan dan juga penulisan. Hal ini kerana menurut beliau lagi, untuk menghasilkan suatu retorik yang berkesan dalam pertuturan dan penulisan seseorang, ia mestilah melibatkan penggunaan salah satu daripada empat corak wacana, iaitu pemerian, pendedahan, penghujahan dan penceritaan. Wacana dalam retorik merupakan suatu kesatuan bahasa yang lengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koheransi dan kohesi tinggi yang mempunyai kesinambungan awal dan akhir yang nyata sama ada disampaikan oleh seseorang melalui lisan ataupun tulisan (Sanat, 2002). Ia juga merujuk kepada pengucapan yang berturut-turut semasa seorang penutur menyampaikan amanat (Dictionary of Language and Linguistic, 1973).

Kajian ini memilih retorik dalam ceramah agama Ustaz Kazim Elias seterusnya UKE dalam rancangan *Kalau Dah Jodoh Siri 1*. Rancangan ini diterbitkan oleh ASTRO OASIS pada tahun 2013 dan diteruskan hingga siri ketiga, iaitu pada tahun 2015. Ceramah UKE dalam rancangan tersebut menyentuh mengenai persoalan agama, rumah tangga, kehidupan masyarakat, bangsa dan negara. Bentuk penyampaian UKE yang bersahaja namun menyentuh jiwa pendengar mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan masyarakat. Wadah penyampaiannya yang mesra dan santai menjadikan ceramahnya digemari khalayak. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa bahasa retorik

merupakan wadah penting dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat kerana fungsinya sebagai perantaraan untuk menarik minat masyarakat mendekati atau tertarik untuk mengikuti ceramah keagamaan. Tanpa bahasa retorik, mesej dalam ceramah UKE mungkin tidak diterima dengan baik atau tidak sampai kepada khalayak. Hal ini kerana retorik merupakan asas dalam ceramah yang berperanan sebagai alat yang menyampaikan mesej kepada khalayak.

Ceramah merupakan medium lisan yang popular dalam proses penyampaian dakwah dan banyak dilakukan dalam masyarakat. Ceramah bermaksud berucap di hadapan penonton atau khalayak yang ramai. Ceramah agama ataupun dakwah merupakan aktiviti yang menyampaikan pesanan agama kepada masyarakat seperti melakukan perkara kebaikan dan meninggalkan kemungkaran serta menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat. Namun begitu, keberkesanan ceramah agama ini dipengaruhi oleh kredibiliti seorang penceramah. Untuk menghasilkan sebuah ceramah yang berkualiti dan berkesan, unsur penggunaan retorik perlu diselitkan ketika menyampaikan ceramah agama. Memetik kata-kata Harold Laswell (1948), "*who says what to whom in which channel which what effect?*" memberi maksud bahawa ceramah atau ucapan merupakan sebuah pertukaran idea kerana komunikasi melibatkan siapa yang bercakap kepada siapa, melalui medium apa untuk menyampaikan dan kesan komunikasi tersebut kepada individu yang terlibat. Secara tidak langsung, ceramah dapat didefinisikan sebagai suatu bentuk komunikasi yang menyampaikan gagasan, idea dan nasihat yang ditujukan kepada khalayak dengan pelbagai cara dan gaya yang tertentu. Oleh itu, penggunaan bahasa yang berseni dalam ceramah perlu dimasukkan kerana ia dapat membantu pendengar untuk lebih memahami apa yang ingin disampaikan oleh penceramah.

Penceramah ataupun pengucap menggunakan seni retorik iaitu, memasukkan unsur keindahan dalam ucapan mereka supaya bait-bait perkataan yang keluar itu dapat memujuk dan mempengaruhi minda pendengar. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menyatakan retorik merupakan suatu teknik pemakaian bahasa secara efektif dalam penulisan dan pertuturan. Oleh itu, ragam bahasa yang pelbagai diperlukan sebagai cara untuk mempengaruhi pendengar mahupun pembaca. Lanham (1991) menyatakan retorik merupakan satu kaedah yang digunakan oleh individu tertentu bagi mendapatkan keyakinan golongan sasaran melalui wacana bahasa. Berdasarkan definisi ini, seseorang penceramah agama perlu menguasai teknik pemakaian bahasa retorik yang berkesan dalam setiap ceramahnya kerana aura seorang penceramah terletak kepada bahasa yang digunakannya.

Kajian ini menyentuh mengenai perkaitan antara ceramah agama dengan ilmu retorik, iaitu salah satu usaha untuk mempengaruhi khalayak sasaran melalui medium pengucapan. Hal ini merupakan usaha yang baik dalam

mengetengahkan ilmu retorik dalam bidang ceramah agama kerana ceramah agama memerlukan strategi dan kaedah yang dirancang dengan teliti bagi memastikan ceramah tersebut dapat disampaikan dengan berkesan. Berkesan di sini dilihat dari segi penggunaan retorik, gaya retorik dan struktur retorik yang terdapat dalam kandungan ceramah agama UKE yang menjadi elemen utama dalam strategi dan perancangan penyampaian ceramah agama.

1.2.1 Seni Retorik

Retorik merupakan seni penulisan atau pengucapan yang berkesan, iaitu seni yang memberikan perhatian terhadap gaya, strategi, bahan dan khalayak. Ini bermakna retorik ialah teknik pemakaian bahasa yang didasarkan oleh suatu pengetahuan yang tersusun baik (Yusuf Man,2006). Penceramah perlulah menguasai bahasa dengan baik serta mempunyai pengetahuan atau mahir dengan sesuatu perkara yang hendak disampaikan. Penceramah perlu bersedia sebelum berucap atau memberi ceramah supaya khalayak tidak hilang keyakinan terhadap kebolehan mereka. Hal ini kerana menurut Gorys Keraf (1990), retorik ialah istilah tradisional yang digunakan sebagai teknik perhiasan bahasa atau penggunaan retorik itu sebagai sentuhan keindahan dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan yang dapat menjadi panduan dalam pembinaan ayat untuk mempengaruhi sikap dan perasaan orang yang mendengar atau membacanya.

Azhar Muhammad & et al., (2006) menyatakan ahli bahasa menyamakan retorik dengan ilmu *balaghah* kerana *balaghah* memberi makna yang agung dan jelas iaitu, ungkapan yang benar dan fasih serta meninggalkan bekas dan berkesan di hati. Namun begitu, penggunaan bahasa itu perlulah sesuai dengan keadaan dan situasi orang yang diajak berbicara itu. Menurut ahli bahasa seperti Ali al-Jarim dan Musatapa Amin dalam Azhar Muhammad & et al., (2006) ilmu *balaghah* didefinisikan sebagai :

“melaksanakan makna yang unggul lagi jelas, dengan ibarat yang betul lagi lancar, ianya memberi kesan tarikan yang mendalam kepada diri seseorang, beserta kesesuaian setiap ucapan yang dilafazkan dengan tajuk perbincangan, di samping bersesuaian dengan orang yang ditujukan percakapan itu.”

Berdasarkan pernyataan itu, ilmu *balaghah* merupakan ilmu retorik yang mempunyai unsur-unsur kalimah, makna dan susunan perkataan yang dapat memberi kekuatan, pengaruh dalam jiwa serta memerlukan pengucap lebih teliti dalam memilih kata-kata supaya setiap perkataan yang keluar dari mulut penceramah itu sesuai dengan situasi dan mengambil berat tentang siapa pendengarnya.

Definisi ilmu *balaghah* itu disokong oleh Abdul Kadir Hussain dalam Azhar Muhammad & et al., (2006) yang menyatakan bahawa ilmu *balaghah* merupakan bidang ilmu yang menarik kerana *balaghah* atau retorik ini dapat melengkapkan percakapan seseorang dengan perkataan, makna dan gaya bahasa yang indah. Oleh itu, ilmu *balaghah* ataupun retorik merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang kaedah memilih rangkai kata yang jelas maksudnya dan menyusunnya dengan cara yang indah serta dapat mengaplikasikan perkataan-perkataan yang sesuai dengan konsep yang dikehendaki.

Raminah Sabran (2002), turut mengemukakan bahawa retorik merupakan satu bentuk yang digunakan oleh penulis dalam penulisannya supaya pendapat, idea dan pemikirannya, tanggapannya atau perasaannya dapat disampaikan dengan jelas melalui cara yang berkesan kepada golongan pembaca. Ini bermakna penutur atau penulis perlu memahami tentang retorik serta cekap dalam penggunaannya merupakan satu bonus kepada pengucap atau penulis bagi membolehkannya menghasilkan pengucapan mahupun penulisan yang terdiri daripada wacana yang kukuh. Hal ini sejajar dengan pendapat Abdullah & Ainon (2003) menyatakan bahawa komunikasi yang berjaya adalah komunikasi yang berkualiti. Hal ini bermaksud, komunikasi hanya akan berjaya jika isi penyampaian yang disampaikan oleh seseorang penceramah sampai kepada golongan Sasaran dan dapat meninggalkan kesan kepada jiwa mereka.

1.2.1.1 Sejarah Perkembangan Retorik

Jarrat (1991), seorang yang berbangsa Yunani menganggap kata-kata merupakan sesuatu yang suci dan mampu menyentuh hati manusia. Kepadaian berkata-kata ataupun ‘retorik’ pada zaman itu dianggap mempunyai fungsi penting sebagai alat untuk menasihati dan mendidik manusia tentang cara yang paling berkesan untuk mengemukakan sesuatu perkara. Corax mengatakan bahawa ahli retorik adalah orang yang berketerampilan dalam perihal meyakinkan orang ramai (Ackrill, 2001).

Pada awalnya retorik hanya tertumpu kepada perundangan, kemudian retorik diperluas dalam bidang lain termasuk seni pidato dan kesusastraan. Tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan seni pidato atau seni pengucapan ke Yunani ialah Gorgios, iaitu murid Tisias. Beliau dikatakan berketerampilan dalam bidang penulisan khususnya dalam pengucapan awam. Aspek utama yang sangat diberikan perhatian olehnya ialah aspek ‘penggunaan’ dan ‘pengindahan gaya’ dengan memberi penekanan kepada pembentukan dan penggunaan frasa dan neologisme baharu dan luar biasa dalam seni pengucapan.

Menurut Jarrat (1991), Gorgias dan pengikutnya ketika itu berpendapat bahawa dalam seni pengucapan, unsur kebenaran dan kebijaksanaan bukanlah perkara penting yang perlu diberikan perhatian. Sebaliknya, perkara utama yang perlu dikuasai oleh pemidato adalah ‘kefasihan’ dan ‘ketangkasan bicara’. Menurutnya, dengan cara demikian pemidato akan dapat menghasilkan dan mengemukakan keputusan atau pendapat dengan cara yang meyakinkan khalayak. Dalam situasi tugas seorang guru pula, yang perlu ditekankan adalah usaha memberikan latihan ‘kepintaran’ kepada murid-murid melalui teknik penyoalan. Dalam hal yang demikian, menurutnya persoalan ‘moral’ dan ‘kebijaksanaan’ bukan hal yang dipentingkan dalam seni pengucapan (retorik). Gagasan Gorgias dan pengikutnya yang mengetepikan nilai kebijaksanaan dan moral dalam seni pengucapan itu ditolak oleh Isocrates.

Isocrates menuntut retorik diberikan peranan yang lebih tinggi dan lebih mulia. Menurut Bizzell (2001), Isocrates menyatakan bahawa seni pengucapan adalah alat bagi manusia melahirkan kebijaksanaan. Justeru, Isocrates memberi fokus kepada bidang pengajian dan pengajaran ‘seni pengucapan’ bukan ‘retorik’. Seni pengucapan menurut Isocrates adalah suatu seni yang memerlukan ‘minda yang bertenaga dan imaginatif’. Seni pengucapan ini juga meliputi taakulan, perasaan dan imaginasi di samping bentuk-bentuk ekspresi. Tujuannya adalah untuk mempengaruhi orang lain tanpa perlu meninggalkan sikap dan budi pekerti kita sendiri. Menurut Mohd Kasim Ismail (2001), petanda kebolehan berbicara dengan baik adalah pemahaman tentang topik perbualan, wacananya benar, mengikut aturan dan bersifat adil iaitu sebagai citra luaran bagi jiwa yang baik dan setia.

Menurut Bizzell (2001), sistem pendidikan Isocrates ini membolehkan seseorang ahli falsafah atau negarawan, membentuk pendapat orang ramai melalui ucapan atau tulisan. Melalui cara ini, seseorang itu akan sentiasa bertindak dengan adil dan bijaksana, iaitu nilai yang diistilahkan Isocrates sebagai (*logos* dalam bahasa Greek dan *logic* dalam bahasa Inggeris) yang membawa maksud ‘kebijaksanaan yang fasih’. Satu aspek teori retorik yang dianggap lemah oleh Socrates ialah teknik dan kemahiran yang digunakan Socrates, iaitu mengkritik pedas retorik yang dalam beberapa hal menurutnya cuba disembunyikan Isocrates. Socrates menolak prinsip retorik atas dasar meletakkan kefasihan (*eloquent*) dan kebijaksanaan (*wisdom*) sebagai unsur setara dalam logos. Beliau menegaskan, kedudukan aspek ‘kebijaksanaan’ (*wisdom*) dan ‘kebenaran’ (*truth*) adalah paling tinggi. Seni yang tidak berpegang pada kebenaran tidak pernah wujud kerana kebenaran hendaklah diburu, bukan dengan cara merayu dan mengangkat pengucapan, tetapi melalui kaedah dialektik.

Kaedah dialektik atau *Socratic* (sempena nama Socrates) merupakan kaedah soal jawab dengan pemikiran terbuka melalui pertanyaan atau inkuari. Satu daripada kata kunci soalan Socrates yang disarankan dan diamalkan sejak

dahulu hingga kini ialah ‘mengapa tidak?’. Mengikut Socrates, kebaikan itu adalah ‘ilmu’ iaitu keseluruhan daya intelek manusia yang mesti dibentuk dan dijuruskan ke arah kebaikan. Socrates menganggap ahli retorik tidak serius kepada pencarian ‘kebenaran’ kerana katanya, retorik bersifat ‘membanggakan diri’ hingga menjadi alat pujuhan yang tidak jujur iaitu satu usaha menghasilkan kepuasan (ekspresi) secara mudah. Seni jenis ini bersifat sanjungan yang tidak ikhlas. Tujuannya bukan untuk menegakkan yang baik (ilmu) tetapi mendustai kenyataan, hanya semata-mata mahu mengambil hati.

Dalam usaha memantapkan seni pengucapan, Socrates telah mengemukakan dua prinsip yang perlu dipegang oleh pembicara seni iaitu :

- i. Mengemukakan definisi pendahuluan tentang jenis tajuk yang akan diucapkan agar dapat memberi kejelasan kepada keseluruhan seni pengucapan.
- ii. Membahagikan pokok bicara kepada bahagian-bahagian dengan teliti dan berhati-hati supaya ucapan yang dihasilkan tidak menjadi himpunan mekanisme perbincangan.

Bagi Socrates, setiap wacana (*discourse*) atau (kesatuan bahasa yang baik, indah dan bermakna) adalah ibarat tubuh manusia yang mempunyai bahagian-bahagian, terubah dalam hubungan yang amat serasi antara satu sama lain dan kepada keseluruhannya. Kesatuan ‘*organic ideal*’ tentang kesempurnaan dan keseimbangan yang dikemukakan Socrates itu amat disenangi dan telah diterima dan dikembangkan oleh kebanyakan ahli teori kemudiannya.

Aristotle (384-322SM), menyanggah beberapa hal tentang pendapat Socrates dengan mengatakan ‘retorik adalah rakan setara dialektik’. Aristotle berhujah, retorik mempunyai kehebatan intelektual dan tidak kurang daripada logos. Retorik pada asasnya adalah satu teknik perbahasan seperti dialektik juga. Malah, dari sudut amalannya juga, retorik boleh berfungsi sebagai alat mempertahankan diri. Menurut Rawson (1975), Cicero (106-43SM) merupakan seorang lagi tokoh yang telah menghasilkan banyak tulisan tentang retorik dan memberikan pendapat yang lain tentang ilmu retorik. Menurut Cicero, Socrates dikatakan telah mengasingkan ‘sains pemikiran bijaksana’ (*wise thinking*) dengan sains pembicaraan anggun (*elegant thinking*), sedangkan kedua-duanya saling berkaitan dalam sesi perbincangan. Tiada sesiapapun yang mampu menjadi pembicara yang baik sekiranya dia bukan pemikir yang baik. Bagi Cicero (106-43SM), berucap dan berfikir seharusnya bersatu dengan erat, bukan secara berasingan. Dalam banyak pandangannya, beliau amat menekankan ‘pemikiran bijaksana’ dan ‘pemikiran anggun’ kerana kedua-duanya itu menurutnya tidak dapat dipisahkan daripada bahasa.

Aristotle menyebut tiga perkara yang boleh digunakan untuk mempengaruhi manusia, iaitu *ethos*, *logos* dan *pathos*. *Ethos* ialah kualiti yang terdapat pada penutur, *logos* bermaksud cara yang digunakan oleh penutur untuk meyakinkan pendengar dan *pathos* bermaksud menggunakan pendekatan emosi untuk mempengaruhi pendengar. Berdasarkan teori retorik klasik yang diutarakan oleh Aristotle ini, pengkaji mengambil lima aspek penting yang selari dan sesuai dengan keperluan membina dan menilai hasil pengucapan seni sastera. Aspek-aspek tersebut ialah kebijaksanaan (*wisdom*), kefasihan (*eloquence*), keanggunan (*elegance*), keadilan (*justice*) dan kebenaran (*truth*).

1.2.1.2 Jenis Retorik

Retorik merupakan penggunaan bahasa yang berkesan dalam lisan dan juga tulisan. Terdapat pelbagai jenis retorik yang boleh dimanfaatkan oleh penutur maupun penulis dalam proses menyampaikan maklumat kepada khalayak. Antara jenis retorik tersebut mengikut Raminah Sabran (2002) ialah :

i. Retorik Pemerian

Retorik pemerian dikenali juga sebagai retorik deskripsi digunakan dalam pertuturan dan penulisan untuk menjelaskan atau menghuraikan sesuatu perkara yang berlaku. Gaya bahasa penulisan retorik ini bersifat deskriptif dan informatif, iaitu maklumat yang disampaikan berbentuk huraian dan penjelasan. Melalui pola ini individu dapat menjelaskan sesuatu fakta, mood, nuansa, maklumat, data, peristiwa, objek, manusia atau pengalaman tokoh atau mereka yang berkaitan dengannya. Contohnya :

Alhamdulillah kita berkumpul untuk malam yang berbahagia ini untuk sama-sama kita mengingati kehebatan, kemuliaan contoh junjungan kita yang patut menjadi ikutan kita yang menjadi kewajipan kepada kita untuk mento'ati iaitulah Nabi Muhammad SAW. Manusia yang paling agung sekali tuan-tuan. Makhluk yang paling agung sampai Allah Taala berfirman di dalam al-Quran. Au'zubillahiminasshaitonnirojim. Wamaa arsalnaka illa rohmatan lil 'alam... "Dan tidaklah Kami utuskan kamu wahai Muhammad melainkan menjadi rahmat kepada sekalian alam." Kalau ditanya pada kita apakah yang dimaksudkan dengan sekalian alam? Yang dimaksudkan dengan sekalian alam ialah selain daripada Allah Taala. Selain daripada Allah Taala itu adalah alam. Maknanya sampai ke langit, sampai ke isi langit, segala bintang, berbillion-billion cakerawala, cakera bintang, bima sakti kita tak tau berapa jumlahnya. Sampailah ke bumi kita ni

segala yang ada di langit, segala ada yang di bumi itu dipanggil sebagai alam. Maka Nabi Muhammad membawa rahmat kepada seluruh alam. Ha...bayangkan betapa besarnya tuan-tuan kemuliaan Nabi Muhammad SAW.

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 13)

ii. Retorik Pendedahan

Retorik pendedahan ialah retorik eksposisi yang bermaksud membuka atau memulai dengan tujuan untuk mengupas, memberitahu, menerangkan dan menghuraikan sesuatu. Retorik pendedahan melibatkan pemaparan dan penghuraian sesuatu yang hendak disampaikan bagi menyingkap perkara, peristiwa dan maklumat yang jelas dan terperinci bagi meyakinkan pembaca. Perkara atau maklumat yang ingin disampaikan perlulah dijelaskan dengan menggunakan bahasa yang jernih, padat dan tepat. Penutur atau penulis boleh memasukkan unsur perbandingan, sebab dan akibat, definisi, pencerakinan dan seumpamanya. Seiring dengan itu, idea perlu dikembangkan, dihuraikan dan diperincikan bagi menyakinkan pendengar dan pembaca. Contohnya :

Diantara yang ditolak amalannya ialah pembunuhan. Yang ditolak amalannya ialah orang yang menipu dalam jualan. Yang ditolak amalannya ialah orang yang mengumpat, orang yang memfitnah. Yang ditolak amalannya ialah suami yang tidak memberi nafkah yang halal kepada isterinya. Yang ditolak amalannya siapa? Isteri-isteri yang derhaka kepada suaminya. Dia sembahyang rajin, dia berzikir rajin, tetapi dengan suami dia pun, dia rajin melawan. Isteri ini ditolak amalan dia. Jadi, jaga-jaga jangan kita duk buat benda yang boleh menjadikan amalan kita ditolak. Salah satunya apa? Suami-suami tidak memberi nafkah kepada isterinya. Isteri laa kerja siang malam pula nak cari duit untuk tampung keluarga. Yang suami kerja dia lepak, malas bekerja.

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 3)

iii. Retorik Penghujahan

Retorik hujah akan melibatkan penggunaan bahasa yang ringkas, padat serta bernas. Retorik ini selalu digunakan dalam sesuatu perbicaraan, perdebatan dalam majlis ataupun parlimen. Gaya bahasa yang digunakan adalah amat ringkas, namun begitu pemilihan kata yang tepat amat penting untuk

menyampaikan maksud yang digunakan. Retorik penghujahan memerlukan pembuktian, wacana tandingan atau sanggahan, tetapi mesti berdasarkan kepada fakta dan data yang konkret, kemudian diikuti justifikasi dan alasan. Contohnya :

Baik, balik kita kepada tentang cinta tadi. Kenapa kita disuruh berkasih sayang? Kenapa kita disuruh bercinta? Sebab Nabi, Allah taala suruh. Sampai Nabi kata bukan daripada umat kami orang yang tidak hormat, orang yang tidak kasih kepada orang-orang tua dan tidak kasih kepada anak-anak muda. Nabi kata apa lai saminna lai saminna man lam yar ham ghasiranna wayuwakil soghiranna. Kata Nabi SAW man lam yar ham lai saminna man lam yar ham ghasiranna wayuwakil khabiranna. Bukan daripada umat kami, bukan daripada kami orang yang tidak belas kepada budak-budak kecil dan orang yang tidak hormat, tidak kasih kepada orang-orang tua. Sampai Nabi kata bukan daripada umat aku orang yang tidak kasih pada anak-anak. Tuan-tuan yang dirahmati Allah, dalam hadis ini dia suruh kepada kita supaya berkasih sayang. Berkasih sayanglah. Sungguh, buatlah.

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 31)

iv. Retorik Penceritaan

Retorik penceritaan selalu dikaitkan dengan penulisan yang berbentuk kreatif seperti novel, cerpen, hikayat dan hasil-hasil sastera yang lain. Gaya bahasa yang digunakan dalam retorik ini adalah berbentuk imaginatif bagi mendeskripsikan peristiwa, watak, latar, pengalaman, objek dan seumpamanya bagi mewujudkan pola penceritaan yang berkesan dalam pengucapan mahupun penulisan. Unsur intrinsik dan ekstrinsik juga digunakan dalam retorik ini. Intrinsik menceritakan tentang peristiwa, watak, alur kisah dan latar kisah. Manakala ekstrinsik menceritakan wacana tentang sesuatu yang sedang diceritakan. Retorik penceritaan digunakan dengan tujuan untuk mengajak khalayak masuk ke dalam penceritaan dan menciptakan suasana yang memberikan kesan kepada khalayak untuk terbabit dalam kisah yang disampaikan. Gaya penceritaan ini dapat menyentuh emosi pembaca jika diolah dengan lancar. Contohnya :

Tuan-tuan pernah dengar cerita? Suami, petang-petang bawak isteri dia naik motor pergi kerja GRO? Saya pernah jumpa. Naik motor tuan-tuan. Satgi pukul 12, pukul 1 pagi suami jemput isteri dia daripada pusat hiburan. Dia kata mencari rezeki. Bila penguatkuasa ugama tanya "Kamu

siapa?” “Saya isteri orang”. Isteri seseorang. “Suami kamu tak marah ke kerja GRO?” “Suami saya yang suruh, suami saya yang ambil, suami saya yang hantar.” “Yang encik-encik sibuk ni buat apa? Suami saya pun tak marah, Encik marah.” Ha, tak terkedu kau ustaz yang pi tangkap tu? Beto tuan-tuan, suami yang cari pelanggan untuk isteri dia menjadi pelacur. Isteri dia duduk di rumah, suami dia berjalan-jalan, berjalan-jalan...ambil orang yang mana orang nak jadi pelanggan isteri dia, bawak balik. Isteri dia layan orang lain, suami collect duit dua tiga ratus,masuk dalam poket. Bisnes. Sebab? Pentingkan hidup dan tak ada sifat iman dalam kehidupan

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 2)

v. Retorik Pemujukan

Retorik pemujukan digunakan untuk tujuan mengubah pemikiran, pendapat, atau pendirian khalayak. Retorik jenis ini juga akan membuatkan pembaca percaya, yakin dan terpengaruh oleh data, fakta, maklumat atau pengalaman yang disampaikan. Pemujukan bukan sahaja melibatkan pemilihan diksi, pembentukan ayat atau penggunaan unsur bahasa figuratif, tetapi ia melibatkan sejauh mana pengucap atau penulis berjaya membentangkan hujah konkret dan pejal untuk meyakinkan khalayak. Contohnya :

Baik, jadi di sini dia sebut berbakti kepada mak bapa lebih afdal. Amalan yang afdal lebih afdal daripada fi sabillillah. Jadi tuan-tuan ada orang Palestin datang kutip derma bawak tabung Gaza ka apa, tuan-tuan ambil (sambil buat gaya seluk poket) bagi sedekah, sedekah. Pi sedekah. Satu mak cik cakap, “Ustaz, mak cik sedekah dah sedekah dah ustaz. Tapi, mak cik tak puas hati. Geram benor dengan Yahudi nu ustaz.” “Pastu Mak Cik nak buat apa?” “Itu Mak Cik dah siap sabit, golok, pedang.” “Mak cik nak ke mana?” “Nak ke Gaza ustaz. Nak perang jihad di sana.” “Naik apa makcik?” “Naik motor la”, kata dia. Sampai Ipoh patah balik tuan-tuan. Motornya naik konto. Tak payah, mak cik ni...Jadi anak yang soleh, jaga mak, jaga ayah, pahalanya lebih besar daripada berjihad.

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 20)

1.2.1.3 Struktur Retorik

Struktur retorik bermaksud kedudukan retorik pada tatatingkat bahasa mengikut acuan tatabahasa bermula daripada kata, frasa, klausa, ayat dan wacana. Walaupun elemen-elemen ini dilihat menurut tatatingkat tatabahasa, namun penjelasan yang dikemukakan tidak secara terpisah, sebaliknya secara bersepada sesuai dengan konteks atau wacana yang dibicarakan. Menurut Leech, et al., (1993), dalam sesuatu analisis karya, pengamatan terhadap sesuatu kategori linguistik mesti disatukan dengan bahagian-bahagian yang lain kerana masing-masing setiap bahagian mempunyai sifat saling berhubungan antara satu sama lain.

i) Kata Retorik

Kata retorik merupakan penggunaan kata dari segi retorik dan stilistik. Kata retorik dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu kata konkret, kata abstrak, kata umum, kata khusus, kata kolokial dan lain-lain. Bentuk kata ialah unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan kata berdasarkan bentuk atau fungsi (Nik Safiah, et al., 2014).

ii) Frasa Retorik

Frasa ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan, ataupun satu perkataan yang berpotensi untuk diperluas menjadi dua perkataan atau lebih. Frasa yang biasa digunakan dalam penulisan ialah frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA), dan frasa sendi nama (FS).

iii) Klausa Retorik

Klausa ialah satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat, yang menjadi konstituen kepada ayat. Klausa terbahagi kepada dua jenis, iaitu klausa bebas dan klausa tak bebas. Klausa bebas ialah klausa yang boleh berdiri sendiri dan boleh bersifat sebagai ayat lengkap apabila diucapkan dengan

intonasi yang sempurna. Klausula yang tidak dapat berdiri sendiri disebut klausula tak bebas.

iv) Ayat Retorik

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang pengucapannya dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna. Pada dasarnya terdapat empat jenis ayat iaitu ayat pernyataan, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan. Ayat pernyataan juga disebut ayat berita atau ayat keterangan. Dengan berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan tertentu, ayat tanya boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ayat tanya tanpa kata tanya dan ayat tanya dengan kata tanya. Perintah ditujukan kepada orang kedua dengan menggunakan kata ganti nama kedua seperti ‘awak’, ‘kamu’ dan ‘engkau’ (Nik Safiah, 2014). Ayat perintah boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan. Ayat seruan diucapkan untuk melahirkan perasaan takut, marah, takjub, geram, sakit dan sebagainya. Intonasi seruan digambarkan dengan tanda seru (!). kata seru yang digunakan termasuklah oh, amboi, wah, cis, eh, aduh, syabas.

v) Wacana Retorik

Wacana merupakan satuan bahasa yang teringgi dengan koheransi dan kohesi yang berkesinambungan, yang mempunyai permulaan dan pengakhiran yang nyata dan disampaikan secara lisan atau tulisan. Wacana merupakan unit bahasa yang paling besar dalam tatatingkat bahasa, iaitu melampaui batas ayat. Dalam menjelaskan unit bahasa yang layak diiktiraf sebagai wacana, Sato (1997) menyatakan “ suatu ayat yang diujarkan baik dalam pertuturan ataupun tertulis, pada umumnya berfungsi sebagai satu unsur dalam kesatuan yang dilahirkan oleh jalinan ayat yang menyampaikan maklumat tentang sesuatu topik. Apabila kesatuan ini memperlihatkan hubungan yang tergabung secara logik antara butir fikiran dengan perkembangan akalih yang abadi dalamnya, iaitu keteraturan fikiran (*coherence*), kesatuan ini diberi nama wacana (*discourse*) atau teks (*text*). ”

1.2.1.4 Gaya Retorik

Gaya retorik terhasil melalui pilihan. Jika penceramah mahupun penulis tidak memilih cara menyampaikan fikirannya, sesebuah ceramah atau karya akan kelihatan tidak bergaya. Namun begitu, mustahil bagi seorang penceramah atau penulis untuk tidak memiliki gaya (Rahman Shaari, 1993) kerana menurut Mohd Affandi Hassan dalam Rahman Shaari (1993) gaya dan *style* adalah semakna yang bermaksud cara berbahasa dipilih oleh seseorang dengan tujuan untuk memberi kesan. Gaya retorik dapat dikategorikan dalam empat jenis ragam bahasa, iaitu gaya retorik perbandingan, gaya retorik pertentangan, gaya retorik pertautan dan gaya retorik perulangan.

i. **Gaya Retorik Perbandingan**

Gaya retorik perbandingan merupakan gaya bahasa kiasan. Ia terbentuk melalui perbandingan dan persamaan yang dibandingkan atau disamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Antara gaya perbandingan yang sering digunakan ialah :

a) Perumpamaan

Perumpamaan adalah perbandingan dua hal yang pada hakikatnya mempunyai kelainan tetapi kita sengaja menganggapnya sama. Contoh gaya perumpamaan ialah seperti, ibarat, bak, sebagai, umpama, laksana dan sebagainya.

b) Metafora

Metafora merupakan bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Sesuatu objek diberikan sifat objek lain dengan menganggap objek yang kedua itu mempunyai aspek-aspek persamaan dengan objek yang pertama (Rahman Shaari, 1993).

Metafora membandingkan dua hal secara langsung dan tidak menggunakan kata, *seperti, bak, bagi, bagaikan dan sebagainya*. Penggunaan kata-kata ini dapat meninggalkan kesan kepada mental seseorang kerana fungsi metafora adalah untuk menambahkan kekuatan pada sesuatu perkataan.

Poerwadarminta (1976) mengatakan metafora merupakan pemakaian kata-kata yang tidak membawa maksud sebenarnya melainkan sebagai lukisan yang berdasarkan persamaan atau perbandingan.

Contoh : Warna bajumu terlalu **garang**.
(Rahman Shaari, 1993)

c) Personifikasi

Personifikasi ialah memberikan sifat-sifat manusia kepada benda atau barang yang tidak bernyawa.

Contoh : Daun pohon kelapa **melambai-lambai** di tepi pantai.

ii. **Gaya Retorik Pertentangan**

Gaya pertentangan disebut juga sebagai gaya bahasa berdasarkan ketidaklangsungan makna. Gaya ini biasanya disebut sebagai *trope* atau *figure of speech*. *Trope* bererti “pembalikan” atau “penyimpangan”. Gaya bahasa pertentangan digunakan bagi mempertahankan makna denotatifnya atau telah mengalami penyimpangan. Bila acuan yang digunakan itu masih mempertahankan makna dasar, maka sifat bahasa itu masih lagi bersifat polos. Namun begitu, apabila acuan tersebut mengalami perubahan makna sama ada makna konotatif atau menyimpang jauh dari makna denotatifnya, ini bermaksud acuan tersebut telah memiliki gaya seperti yang dimaksudkan di sini (Gorys Keraf, 1990). Antara gaya retorik pertentangan ialah :

a) Hiperbola

Hiperbola ialah pernyataan yang berlebih-lebihan jumlahnya, ukurannya atau sifatnya dengan maksud memberi penekanan pada suatu pernyataan atau situasi untuk memperhebat, meningkatkan kesan dan pengaruhnya.

Contoh : ***Kemarahanku sudah menjadi-jadi hingga hampir-hampir meledak aku.***

b) Ironi

Ironi ialah gaya bahasa yang memberi kesan kepada sesuatu dengan cara yang bertentangan dengan keadaan sebenar. Maksud ini dapat dicapai dengan menyatakan makna yang berlawanan dengan makna yang sebenarnya, ketaksesuaian antara suasana yang diketengahkan dan kenyataan yang mendasarinya serta ketaksesuaian antara harapan dan kenyataan. *Ironi* dapat dibahagikan kepada *ironi ringan* dan *ironi berat*. *Ironi ringan* merupakan satu bentuk humor dan *ironi berat* berbentuk *sarkasme* atau *satire*.

Contoh : ***Oh, cepat kamu bangun. Baru pukul Sembilan pagi sekarang ini.***

c) Paradoks

Paradoks adalah gaya bahasa yang mengandungi pertentangan yang jelas dengan fakta-fakta yang ada. Paradoks juga dapat menarik perhatian kerana kebenaran kata-katanya.

Contoh : ***Aku menangis dalam ketawa.***

iii.

Gaya Retorik Pertautan

Gaya pertautan dibentuk berdasarkan perbandingan atau persamaan iaitu cuba mencari ciri-ciri yang mempunyai kesamaan antara kedua-dua hal tersebut. Perbandingan sebenarnya mengandungi dua pengertian iaitu perbandingan yang termasuk dalam gaya bahasa langsung dan perbandingan yang termasuk dalam gaya bahasa kiasan. Antara gaya pertautan ialah :

a) Metonimia

Metonimia merupakan gaya bahasa yang menggunakan nama sesuatu barang bagi sesuatu yang berkaitan dengannya.

Contoh : **Parker** lebih mahal daripada **pilot** kerana kualitinya lebih tinggi.

b) Sinekdoke

Sinekdoke ialah gaya bahasa yang menyebutkan nama bagian bagi pengganti nama keseluruhannya atau sebaliknya.

Contoh : Ayuni, seeloknya kamu jangan bergaul dengan lelaki **mata keranjang** atau Ali itu, kalau tidak menyesal kamu nanti.

c) Eufemisme

Eufemisme ialah ungkapan yang lebih halus sebagai pengganti ungkapan yang kasar atau tidak menyenangkan. Eufemisme dapat dikatakan sebagai menggunakan kata-kata yang jelas dan wajar dalam percakapan.

Contoh : **Isteri** kamu sudah **bersalin** ke Leman?

iv.

Gaya Retorik Perulangan

Perulangan ialah gaya bahasa yang mengandungi perulangan bunyi, suku kata, kata atau frasa ataupun perkataan yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam konteks yang sesuai. Antara contoh gaya perulangan ialah :

a) Aliterasi

Aliterasi ialah pemakaian gaya bahasa yang berlaku perulangan konsonan yang baik. Selalunya dipergunakan dalam puisi dan prosa dengan tujuan untuk memberi penekanan.

Contoh : *Taku tik lalu tumpah.*

Keras-keras kerak kena air lembut juga.

b) Asonansi

Asonansi ialah gaya bahasa yang berlaku perulangan bunyi vokal yang sama. Ianya digunakan dalam puisi dan juga prosa bagi memberi penekanan atau sekadar keindahan.

Contoh : *Ini muka penuh luka siapa punya.*

*Kura-kura dalam perahu,
pura-pura tidak tahu.*

1.2.2 Ceramah Agama

Ceramah agama merupakan salah satu cara berdakwah untuk mengajak masyarakat mendekati agama Islam. Sebagai agama Samawi, berdakwah dalam Islam merupakan satu kemestian sebagai jalan untuk mengajak manusia dan membimbing mereka dengan segala kebaikan yang dapat memberi manfaat di dunia dan akhirat. Mengikut Nor Raudah Siren (2013), pada masa kini para ilmuwan yang terdiri daripada pelbagai aliran dakwah dan pemikiran sedang bergerak dengan dakwah tersendiri berasaskan pemikiran dan kaedah yang pelbagai dengan tujuan untuk menyampaikan dan menasihati masyarakat. Ceramah agama merupakan strategi berdakwah yang memerlukan tenaga dan usaha yang sesuai dan kesungguhan yang berpanjangan demi mencapai matlamat untuk membentuk kehidupan manusia selaras dengan kehendak Ilahi.

Dakwah menurut Kamus Dewan merupakan satu kegiatan yang menyeru dan membimbing orang ramai serta berusaha meyakinkan golongan sasaran supaya menghayati, yakni menyedari dan mengamalkan ajaran Islam. Perkataan dakwah secara etimologis berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud seruan, ajakan dan panggilan. Mereka yang melakukan kerja-kerja mendidik dan menyeru supaya manusia beramal dengan agama Islam ini dipanggil sebagai pendakwah ataupun “da’i”. Kegiatan menyeru atau memanggil itu merupakan proses penyampaian (*tabligh*) dan mereka yang menyampaikan seruan itu dipanggil sebagai *mubaligh*. Ilmu dakwah mengikut pandangan Thoha Yahya Omar (1971) dalam Fadilah Isnin (2002) ialah sesuatu ilmu pengetahuan yang mengandungi cara dan tuntutan yang dapat menarik manusia untuk menganut, menyetujui, melaksanakan sesuatu ideologi, pendapat dan pekerjaan tertentu. Beliau menjelaskan lagi terdapat beberapa perkataan yang mempunyai maksud yang sama dengan dakwah, iaitu penerangan, pendidikan, pengajaran, induktrinasi dan propaganda.

Propaganda berasal daripada bahasa Yunani, iaitu ‘*propagare*’ yang bermaksud meluaskan atau menyebarkan. Contohnya, Plato dikatakan telah melaksanakan propaganda menyiarkan idea-idea yang terkenal melalui pembujukan syair dan kata-kata sasteranya.

Junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW dilantik sebagai Rasul oleh Allah SWT untuk membawa agama yang benar, menyampaikan hidayah Allah dan menyeru manusia supaya beriman kepada Allah dan beliau menjadi contoh yang terbaik kepada al-mukmin dan al-muslim. Pendakwahan Nabi Muhammad yang menyeru manusia supaya mentauhidkan Allah SWT, kemudiannya telah diikuti oleh para sahabat. Lalu, wujud definisi dakwah islamiah, iaitu aktiviti dakwah ialah untuk mengajak manusia kepada kebaikan dan mendapat petunjuk Allah supaya mereka berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dakwah Islam juga bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada menjadi sesat dan mengingatkan mereka supaya menjauhi perkara-perkara yang dilarang supaya tidak mendapat azab daripada Allah akibat daripada perbuatan yang dimungkari itu.

Pada pendapat Abu Bakar Zikir dalam Fadilah Isnin (2002), dakwah Islamiah merupakan suatu perlaksanaan usaha orang yang mempunyai pengetahuan dalam agama Islam untuk mengajar masyarakat supaya mereka dapat memahami dan mendalami perkara-perkara mengenai agama dan dunia sekadar kemampuan yang ada pada mereka. Pandangan ini seiring dengan Yusuf al-Qaradawi (1978) yang menyatakan bahawa dakwah merupakan satu bentuk atau cara yang boleh membawa manusia kepada agama Islam, mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja tanpa mensyirikkanNya serta melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

Ini bermakna dakwah Islamiah merupakan suatu program yang sempurna kerana kegiatan ini meliputi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia supaya mereka dapat memahami tujuan hidup dan mengajak mereka supaya dapat mengetahui jalan-jalan yang dapat mengumpulkan atau menghimpun mereka dalam keadaan mereka mendapat petunjuk Allah, Muhammad al-Ghazali (1981) dalam Fadilah Isnin (2002). Untuk mencapai tujuan ini, menurut Abu-al-Majd al-Sayyid Nawfal (1977) dalam Fadilah Isnin (2002), manusia memerlukan seseorang atau sekumpulan golongan yang mempunyai keupayaan untuk memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada kumpulan sasaran supaya dapat menarik minat mereka mendekati Islam dengan cara-cara tertentu.

H. Endang S. Anshari (1976) pula menyatakan bahawa konsep dakwah dapat dibahagikan kepada dua pengertian, iaitu pengertian terbatas dan pengertian

yang luas. Pengertian dakwah secara terbatas ialah menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat dengan cara lisan, tulisan ataupun lukisan yang bertujuan sebagai panggilan, seruan, ajakan untuk menarik masyarakat kepada Islam. Manakala penyebaran dakwah yang luas bermaksud penyebaran, penterjemahan dan perlaksanaan Islam dalam kehidupan manusia termasuklah dalam bidang politik, ekonomi, sosial, pendidikan, ilmu pengetahuan, kesenian, kekeluargaan dan sebagainya. Jelaslah di sini bahawa dakwah Islamiah bertujuan untuk memanifestasikan konsep hijrah dengan menuntut nilai-nilai dalam supaya kembali kepada tunjang akidah yang hakiki (Adam Abdullah al-Aluri, 1979 dalam Fadilah Isnin (2002). Dakwah merupakan salah satu cara untuk mengajak manusia menuju jalan yang benar.

1.2.2.1 Hukum Dakwah

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (1999), kegiatan berdakwah merupakan salah satu daripada tuntutan agama Islam kerana berdakwah merupakan satu keperluan dalam kehidupan manusia seluruhnya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran, iaitu dalam surah Ali-Imran ayat 104 : *“Dan hendaklah kamu menjadi umat yang menyeru kepada kebaikan, menyeru kepada yang makruf dan mencegah perkara yang mungkar. Mereka inilah orang yang beruntung.”*

Berdasarkan ayat ini, kita disuruh supaya menyebarkan agama Islam supaya manusia dapat melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara-perkara yang dimungkari oleh Allah serta dapat meninggalkan dunia kejahilan mereka. Manusia akan celik akal dan hati apabila ada yang menyampaikan ilmu. Seterusnya, Allah berkata-kata lagi di dalam surah Ali-Imran ayat 110 yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah”.

Ayat ini menerangkan kepada manusia mengenai dua perkara, iaitu yang pertama Allah mengiktiraf bahawa umat Nabi Muhammad SAW merupakan sebaik-baik umat. Yang kedua, kalam Allah ini menyuruh manusia melakukan perkara makruf yakni perkara yang disuruh oleh Allah dan mencegah perkara munkar, iaitu melarang manusia daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Ini bermakna Allah menyeru manusia untuk berdakwah di muka bumi supaya ada yang mengingatkan apabila seseorang manusia itu lalai daripada melakukan perintah Yang Maha Esa.

Selain itu, kalam Allah yang menyuruh manusia berdakwah ialah ayat 67 surah al-Maidah yang bermaksud:

“Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka (bermakna) tidaklah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharamu daripada (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberikan hidayat petunjuk kepada kaum yang kafir.”

Ayat 108 dalam surah Yusuf menyatakan,

“katakanlah (Wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata dan aku menegaskan Maha Suci Allah, dan bukanlah aku daripada golongan yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain.”

Berdasarkan ayat ini, Allah menyeru manusia yang mengikut Nabi Muhammad SAW melakukan kerja-kerja dakwah, yakni melaksanakan tugas yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad SAW. Nabi Allah ini diturunkan ke bumi sebagai penyampai ajaran Allah kepada seluruh umat manusia.

1.2.2.2 Matlamat Dakwah

Nabi Muhammad SAW dilahirkan ketika masyarakat Arab diselubungi dengan kefahaman jahiliah. Kelahirannya membawa seribu rahmat dan cahaya kebenaran kepada seluruh alam. Baginda memimpin masyarakat untuk mengenali Allah SWT dengan cara berdakwah secara senyap selama tiga tahun. Setiap perjalanan dakwah itu perlu mempunyai matlamat yang jelas kerana pendakwah yang mengetahui matlamat beliau menyampaikan dakwah akan lebih mudah dan senang untuk menarik perhatian masyarakat supaya mengikuti ajaran Islam. Matlamat utama dakwah adalah berdasarkan Surah al-Dhariyat ayat 56 yang bermaksud *“Dan Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

Penjelasan ayat di atas menurut Muhammad Sayyid Quth (1977) dalam Fadilah Isnin (2002) ialah manusia wujud di muka bumi ini sebagai menjalankan tugas mereka sebagai hamba kepada Allah. Dalam ayat ini Allah menerangkan sebab kejadian manusia dengan perkataan yang mempunyai

pengertian yang luas, iaitu beribadah. Manusia dan makhluk di sekelian alam ini dijadikan oleh Allah supaya beribadat dan mentauhidkanNya sebagai Tuhan Yang Esa. Al-Maraghi dalam Ab. Aziz Mohd Zin (1999) menyatakan bahawa dalam ayat 36 surah al-Nahl, Allah mengutuskan rasul-rasul supaya mereka menyeru manusia untuk beribadat kepada Allah dan mengingatkan mereka supaya tidak terpedaya dengan tipu daya syaitan yang berikrar untuk menyesatkan anak-anak Adam.

Seiring dengan perkembangan teknologi masa kini, dunia penyebaran dakwah juga turut berubah. Para ahli media dan elektronik mula menyedari akan kepentingan untuk menyampaikan ilmu agama melalui saluran-saluran televisyen dan radio. Kini, pelbagai program keagamaan diadakan oleh pihak media. Antaranya RTM, TV3, ASTRO dan pelbagai lagi. Tambahan pula, kelahiran penceramah-penceramah muda yang lahir dari program realiti seperti Imam Muda, Da'i dan Pencetus Ummah berjaya menambat hati dan menarik perhatian masyarakat bandar dan desa untuk mengikuti ceramah-ceramah agama yang dianjurkan oleh pihak tertentu. Antara program yang mendapat sambutan menggalakkan daripada khalayak ialah rancangan "Kalau Dah Jodoh" yang mula ditayangkan di ASTRO OASIS pada Februari 2013. Penceramah rancangan tersebut ialah UKE yang merupakan penceramah yang disegani dan dihormati di negara ini. Setiap kata-katanya berjaya membuatkan khalayak untuk terus mendengar dari awal hingga ke berakhirnya ceramah tersebut. Memandangkan program tersebut mempunyai auranya yang tersendiri, ASTRO OASIS meneruskan rakaman "Kalau Dah Jodoh" hingga ke siri ketiga.

Keberkesanan sesuatu ceramah agama adalah bergantung kepada cara penyampaian penceramah. Penceramah yang bijak menggunakan keindahan bahasa dan menyampaikan dengan cara meyakinkan akan membuatkan masyarakat tertarik dan teringin untuk terus mendengar mahupun mengikuti ceramah agama yang dikendalikan oleh penceramah tersebut. Menurut Anita Abdul Rani (2002) kaedah yang digunakan oleh seseorang penceramah agama merupakan suatu perkara yang amat penting dalam dunia dakwah kerana kaedah pengajaran yang menarik dapat mempengaruhi golongan Sasaran untuk menerimanya. Cara penyampaian yang menarik dan dapat memenangi hati masyarakat ini dinamakan retorik (Zoriati Osman, 2005). Retorik dalam ceramah agama merupakan satu elemen penting kerana tanpa penggunaan retorik, ceramah agama akan menjadi hambar dan tidak dapat memberikan kesan terhadap jiwa masyarakat (Jeniri Amir, 2008). Oleh hal yang demikian, untuk menyampaikan sesbuah ceramah agama, penceramah perlulah memasukkan unsur-unsur retorik yang sesuai supaya masyarakat yang mendengar tidak berasa bosan dan jemu sebaliknya berasa terhibur dan matlamat ceramah agama tersebut sampai ke jiwa mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Retorik merupakan suatu alat yang menumpukan keberkesanannya dari aspek gaya, strategi, bahan dan khlayak. Retorik merupakan seni yang perlu dikuasai oleh mereka yang bergelar penceramah ataupun penulis. Hal ini kerana kegagalan menggunakan seni retorik dalam penyampaian ceramah ataupun penulisan akan menjadikan ceramah atau sesuatu karya kelihatan hambar. Retorik telah mendapat perhatian ramai pengkaji sejak dahulu lagi. Antara pengkaji yang melakukan kajian retorik ialah Lee Ai Chat (2001) yang menganalisis teks ucapan Dr. Mahathir Mohamad dari segi retorik. Bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada teknik-teknik retorik yang digunakan oleh Dr Mahathir Mohamad pada ketika itu. Selain itu, kajian retorik dilakukan oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2007), Jeniri Amir (2007) dan Zoriati Osman (2005) mengenai kajian retorik dalam bidang politik.

Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir (2013) pula melakukan kajian retorik mengenai unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu Karya A. Samad Said. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek gaya bahasa yang terdapat dalam puisi tersebut sahaja. Di samping itu, Khalid Noviyanto dan Sahroni A. Jaswadi (2014) meneliti pelbagai jenis ragam gaya retorik dalam ceramah agama. Dil Froz Jan & et al., (2014) pula hanya menumpukan gaya metafora dalam kajiannya dalam ceramah Gerakan Obor Aminuddin Baki. Kajian retorik dalam aspek kewartawanan juga dilakukan oleh Nor Azuwan Yaakob dan NorAzlina Mohd Kiram (2010). Dalam kajian ini, pengkaji menganalisi bahasa kiasan yang terdapat dalam belanjawan negara pada tahun 1998. Norida Berhan dan Zulkifley Hamid (2012) meneliti kajian retorik mengenai gaya retorik skema dan trope dalam ceramah agama yang disampaikan oleh empat orang penceramah terkenal. Pengkaji menyatakan gaya skema perulangan lebih gemar digunakan oleh penceramah tersebut berbanding gaya yang lain. Kajian turut dilakukan oleh Sobariah Baharom (2008), Asrul Azuan Mat Dehan dan Nor Azuwan Yaakob (2015) serta Nurul Ain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) yang memberi penumpuan kepada penggunaan retorik dalam karya kreatif.

Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini seperti di atas, pengkaji mendapati kajian retorik telah dilakukan dalam pelbagai bidang. Bagaimanapun kajian retorik yang menjadikan ceramah agama sebagai fokus kajian masih kurang dilakukan dan hanya memberikan tumpuan kepada aspek tertentu sahaja. Oleh itu, kajian retorik mengenai ceramah agama yang membincangkan unsur retorik dari aspek jenis, gaya dan struktur retorik secara terperinci wajar dilakukan. Lompang-lompang yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu amat penting untuk diatasi kerana ilmu mengenai retorik merupakan suatu alat yang boleh membantu penceramah menghasilkan ceramah yang berkualiti dan berkesan bagi menyampaikan mesej kepada khalayak.

Ceramah agama merupakan salah satu cara yang boleh digunakan oleh pendakwah bagi menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pegangan manusia. Hal ini berikutan fungsi ceramah itu sendiri yang sifatnya ingin memberitahu, meyakinkan, menerangkan dan menjelaskan apa yang akan terjadi kepada manusia tentang sesuatu perkara (Brooks & Warren, 1979). Untuk menjelaskan sesuatu isu mengenai akidah kepada masyarakat merupakan suatu perkara yang amat sukar. Hal ini disebabkan oleh kepercayaan kepada hari akhirat dan konsep syurga neraka adalah sesuatu yang tidak dapat dicapai secara saintifik. Perkara ini menjadi cabaran kepada penceramah untuk menjelaskan hal yang berkaitan dengan akidah ini. Masyarakat kini mengalami pendidikan yang berkonsept saintifik dan mereka menolak sesuatu yang tidak berlandaskan logik akal atau fakta yang tidak dapat dicapai dengan pancaindera. Mengikut sarjana moden, mereka hanya akan mempercayai sesuatu fakta itu setelah kajian saintifik dilakukan, iaitu sesuatu yang dapat dicapai oleh pancaindera seperti dapat dilihat, didengar, dihidu dan disentuh (Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015). Memandangkan menyampaikan ceramah adalah suatu cabaran kepada penceramah bagi memastikan khalayak menerima apa yang disampaikan, ianya memerlukan suatu pendekatan yang boleh menarik khalayak untuk mendengar, menerima dan mengamalkannya. Kepandaian dalam komunikasi dari aspek pemikiran dan wacana merupakan satu bonus kepada penceramah bagi membuatkan khalayak tertarik dengan ceramahnya. Perkara ini dipanggil sebagai retorik.

Tujuan umum kajian ini dilakukan adalah bagi melihat kepentingan retorik sebagai alat untuk menarik perhatian khalayak terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh UKE. Nor Raudah Siren (2013), menyatakan retorik dan dakwah merupakan dua perkara yang saling memerlukan kerana kedua-duanya mementingkan aspek keberkesanan dalam menyampaikan mesej terhadap masyarakat. Di samping itu, Sobariah Baharom (2008) mengatakan bahawa seseorang dianggap mahir dan mempunyai keterampilan berbahasa apabila mampu menggunakan bahasa secara berkesan sama ada dalam pengucapan maupun penulisan. Menurut beliau lagi, salah satu aspek penting yang membantu seseorang menggunakan bahasa secara berkesan ialah dengan menambahkan elemen retorik apabila berucap atau menulis. Berdasarkan ini, dapat diambilkan retorik merupakan suatu seni dan teknik pemakaian bahasa secara berkesan sama ada dalam penulisan atau pengucapan. Berdiri di atas prinsip seni pemakaian bahasa, retorik seharusnya melibatkan aspek bahasa yang lebih luas dan menyeluruh. Oleh itu, penceramah haruslah bijak memanipulasikan bahasa untuk membentuk ideanya tanpa perlu mengabaikan aspek kesahihan maklumat serta dapat memperlihatkan keterampilannya ketika memberi ceramah. Penceramah yang berketerampilan ialah seseorang yang mampu mengeluarkan ideanya dengan berkesan. Biasanya menurut Junaidah Ahmad Ghazali (2006), mereka merupakan individu yang bijak mempelbagaikan teknik dan unsur retorik dalam wacana lisan ataupun tulisan. Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas, pengkaji akan mengenal pasti jenis-jenis retorik yang digunakan dalam ceramah agama UKE bagi menjawab persoalan di atas dalam objektif pertama

bagi menyatakan bahawa ceramah agama memerlukan unsur-unsur retorik bagi menarik perhatian pendengar.

Selain itu, kajian ini dilakukan bagi mendedahkan bahawa gaya retorik merupakan elemen yang penting dalam penyampaian ceramah agama kerana menurut Rahman Shaari (1993), gaya bahasa yang digunakan dalam pertuturan dan juga penulisan bertujuan untuk meyakinkan pendengar dan juga pembaca. Hal ini sepandapat dengan Dale & et al., (1971) yang menyatakan bahawa penggunaan gaya bahasa tertentu boleh mengubah serta menimbulkan konotasi tertentu. Gaya bahasa yang pelbagai digunakan oleh seseorang bagi meningkatkan kesan dengan cara memperkenalkan serta memperbandingkan suatu benda atau hal tertentu dengan sesuatu yang lebih umum. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji mencungkil gaya bahasa yang digunakan oleh UKE dalam ceramah-ceramahnya menerusi objektif kedua. Hal ini dapat membuktikan bahawa penggunaan gaya retorik dalam ceramah agama amat penting bagi seorang penceramah untuk memastikan ceramah yang disampaikan menarik dan berkesan kepada khalayak.

Akhir sekali, kajian ini dilakukan bagi membuktikan bahawa penggunaan ayat yang berkesan dalam sesuatu ceramah agama sebagai penyumbang ke arah keberkesanan penyampaian sesuatu nasihat. Menurut Kulwindr Kaur Sidhu (2006), untuk menghasilkan kesan atau impak ke atas pendengar, kandungan ucapan perlulah mempunyai struktur yang jelas dan kandungan yang dinilai dengan baik harus dipadankan dengan penyampaian yang efektif. Pendapat ini sejajar dengan Nor Raudah Siren (2013) yang menyatakan "retorik merupakan seni pertuturan yang berkait dengan keberkesanan pemilihan perkataan dan pembentukan struktur ayatnya dalam mencapai hasrat penutur atau penulisnya". Pengkaji bersetuju dengan pendapat di atas yang menyatakan bahawa struktur retorik memainkan peranan penting dalam penyampaian ceramah bagi memastikan setiap isi yang disampaikan sampai kepada khalayak. Oleh itu, setiap penceramah agama perlu bijak menggunakan struktur bahasa dalam ceramahnya kerana penguasaan sesuatu bahasa dan kemahiran menggunakan bahasa menjadi faktor penting dalam sesuatu ceramah agama. Penceramah yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik sudah tentu dapat menarik perhatian pendengar, manakala penceramah yang tidak berapa mahir berbahasa akan membosankan sesuatu majlis kerana menyukarkan hadirin untuk memahami perkara sebenar yang cuba disampaikan oleh penceramah. Keadaan ini sesuai dengan sifat retorik itu sendiri yang berfungsi sebagai seni pertuturan yang mementingkan keberkesanan dalam proses komunikasi. Bagi merungkai persoalan di atas, pengkaji akan menganalisis struktur retorik dalam ceramah agama dalam objektif ketiga. Berdasarkan pernyataan ini, pengkaji akan melakukan analisis retorik dalam ceramah agama UKE bagi merungkai keberkesanan penggunaan retorik dalam ceramah agama dari segi gaya bahasa dan juga penggunaan struktur retorik.

1.4 Soalan Kajian

Terdapat tiga soalan yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu :

1. Apakah jenis retorik yang digunakan dalam ceramah agama Kazim Elias?
2. Bagaimanakah gaya bahasa retorik yang digunakan dalam ceramah agama Kazim Elias?
3. Bagaimanakah struktur retorik yang digunakan dalam penyampaikan ceramah agama Kazim Elias?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mengemukakan tiga objektif khusus seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti jenis-jenis retorik yang terdapat dalam ceramah agama Kazim Elias.
2. Menghuraikan gaya bahasa retorik yang digunakan dalam ceramah agama Kazim Elias.
3. Menjelaskan struktur retorik yang digunakan dalam ceramah agama Kazim Elias.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menjurus kepada penggunaan retorik dalam ceramah agama. Ceramah agama yang berfungsi untuk mendekatkan manusia dengan cara hidup Islam dan mentauhidkan Allah SWT memerlukan retorik dalam setiap ceramah dengan tujuan untuk mempengaruhi pendengar berbanding tanpa menggunakan apa-apa teknik retorik. Secara amnya, kajian ini bukan sahaja dapat memberikan kepentingan kepada pihak yang terlibat dalam bidang ceramah agama sahaja, bahkan semua yang terlibat dalam pengucapan awam seperti ceramah motivasi, ceramah politik dan pelbagai jenis ucapan lagi. Ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kepekaan mereka terhadap perihal pentingnya menggunakan bahasa yang lembut sahaja ketika berkomunikasi. Penggunaan bahasa yang baik lagi indah dapat menyedapkan telinga dan menenangkan hati yang mendengar.

Penyampaian ceramah yang berkesan menggunakan unsur retorik daripada kajian ini dapat menjadi panduan, rujukan dan pegangan kepada para penceramah untuk menyampaikan isi ceramah yang dapat menarik minat masyarakat berdasarkan persekitaran bangsa dan budaya di Malaysia. Secara positifnya, penceramah yang menggunakan bahasa retorik bagi memikat hati pendengar atau khalayak akan lebih mewujudkan persaingan sihat kepada penceramah yang lain supaya menggunakan bahasa yang dapat memberi kesan kepada jiwa pendengar selain dapat mengelakkan umpatan kepada insan lain.

Kajian retorik dalam ceramah agama UKE dapat membantu para pembaca memahami budaya berbahasa orang Melayu ataupun pendakwah bebas menggunakan ungkapan yang sesuai, lemah lembut, tegas namun berhemah dalam menyampaikan dakwah. Penggunaan perkataan yang tidak menyinggung perasaan orang lain dapat menarik khalayak terutamanya anak-anak muda untuk mendekati majlis-majlis ilmu yang kini semakin mendapat tempat di hati mereka.

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat menaikkan *rating* pihak ASTRO apabila memaparkan rancangan berbentuk ilmiah dan keagamaan memandangkan generasi sekarang merupakan generasi yang dahagakan ilmu dunia dan akhirat. Anak-anak muda sekarang berlumba-lumba untuk mendapatkan ilmu dan ini menjadi kelebihan kepada ASTRO apabila menyiarakan sesuatu yang dapat menarik minat mereka untuk menonton rancangan keagamaan. Oleh itu, retorik dalam ceramah agama memainkan peranan penting untuk menarik perhatian mereka.

Akhir sekali, kajian ini penting kepada masyarakat supaya ketika berkomunikasi, mereka dapat memilih kata-kata yang tepat. Pemilihan kata yang tepat bukan sahaja dapat membantu mereka menyampaikan mesej dengan lebih berkesan malahan dapat mengolah sesuatu isu dengan berkualiti dan berprinsip. Hal ini dapat melancarkan sesebuah komunikasi di samping dapat menyalurkan mesej dengan tepat, berkualiti, sahih serta mendidik masyarakat secara ilmiah untuk menggunakan bahasa yang menunjukkan bangsa.

1.7 Skop Kajian

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada aspek retorik yang digunakan dalam ceramah UKE dalam rancangan “Kalau Dah jodoh” Siri 1 yang ditayangkan di ASTRO OASIS pada tahun 2013. Pengkaji memilih rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 berikutan rancangan ini diteruskan rakamannya

sehingga siri ketiga. Hal ini menunjukkan rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 berjaya mendapat sambutan khalayak kerana terdapat unsur penggunaan retorik dalam ceramah agama yang disampaikan oleh UKE.

Untuk kajian ini pengkaji mengikuti siaran ulangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 yang disiarkan di ASTRO OASIS pada bulan Ogos 2015 dan awal September 2015 pada setiap hari, iaitu pada pukul 6.35 pagi hingga pukul 7.05 pagi. Pengkaji mengambil data kajian sebanyak 53.8% iaitu bersamaan tujuh tajuk secara persampelan sistematik daripada 13 buah tajuk dalam “Kalau Dah Jodoh” siri 1 bagi mendapatkan hasil kajian kajian yang menyeluruh dari aspek retorik. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan tajuk yang dipilih oleh pengkaji untuk dianalisis dalam kajian ini.

Jadual 1.1 : Kalau Dah Jodoh Siri 1

Bil	Tajuk	Episod	Tarikh Ulangan	Durasi (minit)
1	Suami Soleh bahagian 1	1	3 Ogos 2015	30
	Suami Soleh bahagian 2	2	4 Ogos 2015	30
	Suami Soleh bahagian 3	3	5 Ogos 2015	30
2	Sunnah Bernikah bahagian 1	7	9 Ogos 2015	30
	Sunnah Bernikah bahagian 2	8	10 Ogos 2015	30
	Sunnah Bernikah bahagian 3	9	11 Ogos 2015	30
3	Rasulullah bahagian 1	13	15 Ogos 2015	30
	Rasulullah bahagian 2	14	16 Ogos 2015	30
	Rasulullah bahagian 3	15	17 Ogos 2015	30
4	Mencari Keredhaan Allah bahagian 1	19	21 Ogos 2015	30
	Mencari Keredhaan Allah bahagian 2	20	22 Ogos 2015	30
	Mencari Keredhaan Allah bahagian 3	21	23 Ogos 2015	30
5	Tanggungjawab bahagian 1	25	27 Ogos 2015	30
	Tanggungjawab bahagian 2	26	28 Ogos 2015	30
	Tanggungjawab bahagian 3	27	29 Ogos 2015	30
6	Apa Itu Cinta bahagian 1	31	2 September 2015	30
	Apa Itu Cinta bahagian 2	32	3 September 2015	30
	Apa Itu Cinta bahagian 3	33	4 September 2015	30
7	Erti Cinta bahagian 1	37	8 September 2015	30
	Erti Cinta bahagian 2	38	9 September 2015	30
	Erti Cinta bahagian 3	39	10 September 2015	30

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional menurut Sidek Mohd Noah (2007), ialah definisi yang memberi maksud khusus, iaitu sesuatu yang boleh diukur melalui pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Dalam kajian ‘Retorik ceramah UKM’ ini, pengkaji akan memberi perhatian kepada definisi retorik dan juga ceramah.

1.8.1 Retorik

Asmah Haji Omar (2014) mendefinisikan retorik sebagai istilah khusus mengenai pujukan dalam penggunaan bahasa sama ada dalam percakapan ataupun tulisan. Hal ini kerana menurut beliau, retorik digunakan supaya maksud yang ingin disampaikan itu sama ada secara tersurat atau tersirat benar-benar sampai kepada pendengar atau pembaca dengan berkesan.

Plato dalam Raja Masittah Raja Ariffin (2007), mendefinisikan retorik sebagai suatu seni yang mempesonakan jiwa, yakni seni memenangi hati dan jiwa melalui wacana. Manakala Aristotle menyatakan retorik ialah seni memujuk dan berhujah dan ia memerlukan hubungan antara retorik dengan logik yang hadir dalam diri individu secara semula jadi yang membuatkan kedua-duanya membuat kesimpulan atau inferensi yang bertentangan. Retorik mengikut Cicero ialah sebuah pengucapan yang direka bentuk untuk memujuk. Oleh itu, dapat diringkaskan retorik merupakan suatu ilmu yang digunakan dalam ucapan sebagai suatu seni memujuk bagi mengemukakan pengalaman seseorang serta menggunakan simbol-simbol tertentu sebagai strategi komunikasi sama ada dalam lisan ataupun tulisan.

Seterusnya, A’ishah Zaharah Ali (2007) mentafsir retorik sebagai seni yang menguasai dan mengawal minda khalayak dengan menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi dalam usaha untuk mempengaruhi khalayak. Hal ini kerana seseorang pengucap dianggap berjaya dalam ucapannya jika ia berjaya mengubah pendirian dan kepercayaan serta sikap dan perlakuan golongan yang mendengar.

Setelah memahami maksud retorik daripada kata mata para sarjana dan ahli bahasa, definisi retorik mengikut pengkaji ialah retorik bermaksud seni penggunaan pemilihan kata yang dapat menarik perhatian pendengar serta kata-kata yang digunakan itu dapat memberi kesan kepada jiwa khalayak yang mendengarnya. Oleh itu, retorik dapat digunakan dalam ceramah agama bagi menghasilkan penyampaian ceramah yang lebih efektif supaya persembahan

ceramah agama dapat dimulakan dengan pengenalan yang baik, isi yang berinformatif dan kesimpulan yang dapat meninggalkan kesan di hati khalayak.

1.8.2 Ceramah

Ceramah mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud ucapan yang membincarkan tentang sesuatu perkara, contohnya mengenai bahasa, politik dan lain-lain lagi. Abd Rahman Abd Rahman Ab Rashid & et al., (1997) menyatakan ceramah merupakan ucapan yang disampaikan oleh seseorang jemputan yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran tertentu di dalam sebuah majlis formal.

Gary T.Hunt (1990) memberikan definisi ceramah sebagai suatu proses untuk manusia menghantar dan menerima maklumat kerana proses memberi ceramah melibatkan dua pihak, iaitu penceramah yang tugasnya menyampaikan maklumat dan pendengar pula bertindak sebagai penerima maklumat yang telah disampaikan oleh penceramah tersebut. Namun begitu, proses komunikasi dua hala itu hanya bermula daripada keberkesanan sesuatu ceramah yang disampaikan. Ini bermaksud penceramah memainkan peranan besar bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan itu sampai di jiwa khalayak.

Ceramah mengikut pengkaji bermaksud sebuah majlis yang memerlukan seseorang penceramah yang berkualiti dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam sesuatu bidang untuk memberi ucapan di hadapan khalayak ramai. Ucapan tersebut berbentuk nasihat, didikan serta ajaran yang dapat membetulkan sesuatu keadaan dengan menggunakan bahasa yang dapat menyentuh jiwa golongan pendengar.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Teori Dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Kuala Lumpur: Utusan Publication. Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur :Universiti Malaya
- Ab. Halim Mohamad. (2011). *Unsur-unsur ilmu badi' Arab dalam syair Hamzah Fansuri*. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 29(2), 67-82.
- Abdullah Hassan. (2002). *Komunikasi untuk pendakwah, panduan mengubah sikap dan tingkah laku orang lain*. Pahang : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahman Ab Rashid & et al.,(1997). *Bahasa Melayu Komunikasi 2*. Longman Malaysia Sdn. Bhd : Selangor
- Acrill J.L. (2001). *Essays on Plato and Aristotle*. USA : Oxford University Press.
- A'ishah Zaharah Ali. (2007, Januari). Retorik dalam ucapan. *Dewan Bahasa* 7(1),28-30.
- Anita Abdul Rani.(2002). *Ceramah dakwah : kajian tentang faktor tarikannya di kuantan*. (Tesis Master yang belum diterbitkan).Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Arbak othman. (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Sarjana Enterprise : Kuala Lumpur
- Asmah Haji Omar. (2014). *Za'ba Ahli Fikir Dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa Dalam Pengurusan Pentadbiran Dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (1986). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan, Dan Perundingan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel Salina karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 02(2015), 49-59

- Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob (2017). Keanekaragaman retorik gaya Trope dalam penulisan novel Salina. *International Journal of language educational and applied linguistics (IJLEAL)* vol 6, 1-12
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azhar Muhammad & et al.,(2006). Penguasaan pelajar sekolah menengah aliran agama terhadap pengajian ilmu retorik arab. *Pusat Pengajaran Islam dan Pembangunan Sosial* : Universiti Teknologi Malaysia
- Berita Harian (2015) <https://www.bharian.com.my/nоде/88924> diakses pada 8/11/2017
- Bizzell et. al., (2001). *Isocrates. The Rhetorical Tradition*. Boston : St. Martin's Press.
- Brooks & Warren. (1979). *Modern Rhetoric*. United States of America :Harcourt Brace Jovanovich, Inc
- Corbett, Edward P.J. 1971. *Classical Rhetoric For The Modern Student* (edisi ke-2) New York. Oxford University Press
- Corbett & Connors .(1991). *The Little Rhetoric And Handbook*. Glanview, III: Scott, Foresman.
- Choong, Kee Fong. (2003). *Analisis strategi retorik Sultan Omar Ali Saifuddien III tentang Isu-isu Perlembagaan Negeri Brunei dan Rancangan Malaysia, 1959-1963*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Creswell, J.W. (1994). *Qualitative Inquiry And Research Design, Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks : Sage
- Dauli, Hamdan. (2001). *Dakwah Di Tengah Persoalan Budaya Dan Politik*. Pustaka Pelajar : Jakarta.
- Dale ; Edgar & et al., . (1971). *Techniques Of Teaching Vocabulary*. Palo Alto, California : Field Educational Publications, Inc
- David Ogilvy. (1978). *Kenang-kenangan Seorang Tokoh Pengiklanan (terjemahan)*. Petaling Jaya : Wah Kiew Printing Co. Sdn. Bhd
- Dil Froz Jan Sayed Haleem Shah & et al.,.(2014). A metaphoric rhetorical criticism on Aminuddin Bak'i's speech: some preliminary findings, *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 30(2) : 21-40
- Dictionary Of Language And Linguistic. (1973). New York
- Effendy Ahmadi. (2004). 'Retorik peribahasa Melayu: analisis skema dan trope', Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Enos T., Brown S. C. (1993). *Defining The New Rhetorics*. New York : Sage Publications
- Fadilah Isnin. (2002). *Retorik lagu melayu dakwah: analisis retorik paling luas* (Latihan ilmiah yang belum diterbitkan). Universiti Malaya, kuala Lumpur.
- Imam Musbikin. (2011). *Hebatnya Kuasa Istikarah*. PTS Millennia SDN. BHD : Selangor
- Gary T. Hunt. (1990). *Pengucapan Umum*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur
- Gorys Keraf. (1981). *Eksposisi Dan Deskripsi*. Nusa Indah : Jakarta
- Gorys Keraf. (1990). *Diksi Dan Gaya Bahasa*. Penerbit PT Gramedia : Jakarta
- Gorys Keraf. (2001). *Diksi Dan Gaya Bahasa*. Penerbit PT Gramedia : Jakarta
- Groves, T. (2014). An application of Carnapian inductive logic to an argument in the philosophy of statistics. *Journal of Applied Logic, In Press, Accepted Manuscript*, Available online 17 May 2016
- Jarratt S. C., (1991). *Rereading The Sophist : Classical Rhetoric Refigured*. Carbondale and Edwardsville : Southern Illinois University press.
- Jeniri Amir. (2007, Januari). Strategi retorik susilo bambang yudhoyono. *dewan bahasa*. 7(1),14-17.
- Jeniri Amir. (2008). Debat Anwar-Shabery : Strategi retorik dalam komunikasi politik. *Prosiding Seminar Politik Malaysia (81-95)*. Universiti Teknologi MARA :Shah Alam
- Jeniri Amir. (2013). *Menulis Biografi: Melakar Kehidupan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Junaidah Ahmad Ghazali .(2006, Januari). Salah tanggap tentang retorik. *Pelita Bahasa*. 18(1), 5.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kulwindr Kaur Sidhu. (2006). *Pengucapan Awam Dan Kemahiran Persembahan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya
- Kholid Noviyanto & Sahroni. A. Jaswadi. (2014). Gaya retorika da'i dan perilaku memilih penceramah. *Jurnal Komunikasi Islam*. 4(1), 122-142

- Laswell, Harold. 1948. "The Structure and function of communication in society", dalam L. Bryson (Ed.), *The Communication of Ideas*. New York: Harper and Row Publisher.
- Hashim Abdullah. (1995, Januari). "Retorik". *Dewan Bahasa*. 39(1)
- Hashim Awang. (1987). Glosari Mini Kesusasteraan. Petaling jaya : PFB Sdn. Bhd
- H. Endang S. Ashari. (1976). *Pokok-Pokok Pikiran Tentang Islam*. Jakarta : Usaha Enterprise
- Lanham, Richard A. (1991). *A Hardlist Of Rhetorical Terms*. Los Angeles: University of California Press
- Lee, Ai Chat. (2001). *Analisis teks ucapan politik Bahasa Melayu dari segi retorik : satu kajian kes terhadap ucapan politik Dr. Mahathir Mohamad*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Leech G. (1993). *Prinsip-Prinsip Pragmatik*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia
- Letteri, R. (2002). *A Handbook Of Public Speaking*. Boston : Ally and Bacon.
- Lim Kim Hui. (2014). *Jaringan Bahasa Logik, Retorik Dan Globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka :Kuala Lumpur
- Lockhart, T. (2012). Emerging Voices: The Shifting Rhetorics Of Style: Wring In Action In Modern Rhetoric. *College English*, 75(1).
- I Gusti Ngurah Oka. 1976. *Retorik Satu Tinjauan Pengantar*. Bandung: Penerbit Tarate
- Maslida Yusuf. (2007). Pragmatik. Dlm Zulkifley Hamid, Ramli Md Salleh & Rahim Aman (pnyt). *Linguistik Melayu*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fadzilah Kamsah. (1991). Membudayakan kecemerlangan dalam penyampaian khutbah : satu kajian kes di negeri Pahang Darul Makmur. *Jurnal Komunikasi Jilid 7*, 37-46
- Mohd Kassim Ismail. (2001). *Bahasa Dalam Kesusasteraan Melayu*. Serdang. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi : Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Zain Dolah .(2011). Retorik pengucapan khutbah Jumaat sebagai mekanisme dakwah yang berkesan. *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia*
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab Satu Pengenalan Dalam Ilmu Ma'ani*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Munsyi Ab. Rahim. (2012). *Retorik*. <http://abrahimblog.blogspot.com/2012/08/retorik.html>. Diakses pada 10 November 2017.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2007). Kewajaran pengajaran komsas dalam bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 5. <http://jurnalperadabanipm.blogspot.com/2008/08/jurnal-peradaban-melayu.html>. Diakses pada 10 November 2016.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran gaya bahasa dalam bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 37-54.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2014). *Tatabahasa Dewan ed. Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azuwan Yaakob & NorAzlina Mohd Kiram. (2010). Kiasan dalam retorik penulisan kewartawanan: memartabatkan bangsa dan tamadun Melayu. *Jurnal Linguistik*. 11(12), 1-12.
- Nor Raudah Hj. Siren. (2013). *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya
- Nor Raudah Hj. Siren. (2000). Retorik pengucapan dakwah Ustaz Ismail Kamus. *Jurnal AFKAR*, 1, 197-205
- Noor Aina Dani. (2007). *Kaedah Penyelidikan Dalam Bahasa Melayu*. Serdang : Penerbit UPM
- Noor Husna Abd Razak, Hashim Musa & Nor Azuwan Yaakob. (2012). Retorik dalam iklan produk kesihatan. *Dalam Manifestasi Bahasa dalam Budaya*. (102-121) Serdang :Penerbit UPM
- Noor Husna Abd Razak. (2011). *Retorik dalam iklan kesihatan*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia : Serdang
- Norida Berhan & Zulkifley Hamid. (2012). Retorik gaya dalam membentuk karakter Bangsa. *Jurnal Linguistik*. 15(6), 1-16.
- Noriha Basir (2010). Kefungsian gaya bahasa pengulangan dalam novel Al-Abrar : Satu Analisis Wacana. *Kemanusiaan* 17, 91-110
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel “Orang Kota Baharu.”. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 4(2), 13-22
- Panggabean, Maruli H. (1981). *Bahasa, Pengaruh, Dan Peranannya*. Jakarta : PT Gramedia Pustaka Utama
- Poerwadarminta & W.J.S.(1976). *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta :PN Balai Pustaka

- Rahman Shaari. (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur
- Rahimin Affandi, Abdul Rahim. (2006). "Ilmu dan Kepimpinan Islam." Dlm. Nor Raudah Hj Sireen, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Nawawi (eds) *Dakwah Islam Semasa : Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007, Januari). Retorik politik kata-kata sakti pemujukan. *Dewan Bahasa*. 7(1),24-26
- Raminah Sabran. (2002, November). Retorik pendedahan dan penghujahan. *Pelita Bahasa*, 14(11), 42-43
- Raminah Sabran. (2002, Disember). Retorik pemujukan dan pemerian. *Pelita Bahasa*, 14(12), 42-43.
- Raminah Sabran. (2003, Julai). Retorik penceritaan. *Pelita Bahasa*, 15(7), 42-43.
- Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir. (2013). Unsur-unsur retorik dalam puisi melayu Al-Amin karya A. Samad Said. *Jurnal Usuluddin*
- Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan implikatur sebagai medium penjelasan akidah. *Jurnal Linguistik*. 19(2), 1-9
- Rawson E., (1975). Cicero. London : Penguin Books Ltd
- Sanat Md. Nasir .(2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2005). Kemahiran komunikasi dalam membina imej dan penampilan pendakwah. Dalam Siti Rugayah Tibek dan Salasiah Hanin Hamjah (eds.). *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat* (pp.101-113). Bangi : Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sharon Crowley S., Hawhee D. (1999). *Ancient Rhetorics For Contemporary Students*, 2nd ed. Boston : Allyn and Bacon
- Sidek Mohd Noah. (2007). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah Teori Dan Praktis : Sebuah Buku Mesra Pengguna*. Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri Pendidikan Guru : Bahasa Melayu II*. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn Bhd

- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam Novel-novel Abdullah Hussain*. Tesis PhD. Serdang : Universiti Putera Malaysia
- Tarigan, H. G. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Wikipedia. (2016). https://ms.wikipedia.org/wiki/Mohammad_Kazim_Elias diakses pada 24/10/2016
- Yusuf Man. (2006, Januari). Gaya dalam retorik dan sastera. *Pelita Bahasa*. 18(1), 20-22
- Yusuf al-Qaradawi. (1978). *Thaqafah al- Da'iyah*. Beirut : Dar Ihya
- Zaitul Azma Zainon Hamzah.(2002). *Gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak melayu : Satu analisis pragmatik*. Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang : Universiti Putera Malaysia
- Zulkifli Ahmad Hamid. (1985). *A rhetorical analysis of the selected speeches of Tunku Abdul Rahman Putra on the issues of independence for Malaya, 1951-1957*. Tesis PhD. New York : University Of Ohio
- Zoriati Osman. (2005). *Retorik pujukan : kajian kes ceramah Haji Hadi Awang*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.